

## Konsep Sastera Islam oleh Kemala dan al-Nadwi: Satu Perbandingan

### *The Concept of Islamic Literature by Kemala and al-Nadwi: A Comparative Study*

Amal 'Aqilah Ismail<sup>1</sup>, Nursafira Ahmad Safian<sup>2</sup>

#### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan takrifan, pandangan dan konsep sastera Islam menurut Kemala dan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi. Kedua-dua tokoh tersebut mewakili dunia kesusasteraan Melayu dan Arab. Kemala merupakan seorang penyair yang banyak menceritakan tentang kehidupan rakyat bawahan seperti petani, nelayan dan kaum buruh. Selain itu, beliau turut menulis karya-karya yang berkonsepkan sufi dan kerohanian, manakala al-Nadwi pula merupakan seorang murabbi, pendakwah, pemikir Islam dan sasterawan yang ulung. Artikel ini bertujuan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan di antara pandangan Kemala dan al-Nadwi dalam menterjemahkan konsep sastera Islam yang sebenar. Reka bentuk kajian ini ialah kajian perbandingan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sebagai metode pengumpulan dan analisis data. Perbandingan difokuskan terhadap pemikiran Kemala dan al-Nadwi tentang konsep sastera Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sastera Islam menurut Kemala dan al-Nadwi diasaskan oleh dua tunjang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, yang merupakan asas akidah Islamiah yang jitu. Kedua-dua tokoh berkenaan turut bersetuju bahawa sastera merupakan antara medium dakwah yang perlu ditunjangi dengan ilmu dan pemikiran kritis.

**Kata Kunci:** Sastera Islam, Sastera Melayu, Sastera Arab, Kemala, al-Nadwi.

#### ABSTRACT

This article is discussing the definition, views and concept of Islamic literature according to Kemala and Abu al-Hasan Ali al-Nadwi. Both scholars represent Malay and Arabic literary world respectively. Kemala is a poet who always tells about the lives of subordinates such as farmers, fishermen and workers in his writings as well as the concept of sufism and spirituality. On the other hand, al-Nadwi was a murabbi, preacher, Islamic thinker and prominent writer. This article aims are to discuss the concept and idea of Islamic literature proposed by Kemala and al-Nadwi as well as to compare between both of their views, highlighting the aspects of similarities and differences. The researchers make use in the study analytical and comparative methods using qualitative approach as data collection and analysis, focusing on the concept of Islamic literature discussed by Kemala and al-Nadwi respectively in their books. This study found that the main reference for Islamic literature are al-Quran and al-Sunnah as stated by both of the salient scholars, which are the basis of Islamic faith. Both scholars agreed that literature is one of the medium of da'wah in which knowledge and critical thinking should be the core to that kind of literature.

**Keywords:** Islamic Literature, Malay Literature, Arabic Literature, Kemala, al-Nadwi.

<sup>1</sup> Amal 'Aqilah binti Ismail, Master Candidate, Department of Arabic Language and Literature, KIRKHS, IIUM, [amalaqilah94@gmail.com](mailto:amalaqilah94@gmail.com)

<sup>2</sup> Dr. Nursafira binti Ahmad Safian, Ph.D, Department of Arabic Language and Literature, KIRKHS, IIUM, [nursafira@iium.edu.my](mailto:nursafira@iium.edu.my)

## Pendahuluan

Jika disoroti sejarah perkembangan sastra Islam di Malaysia, kebangkitan sastra Islam (akan dikenali sebagai SI selepas ini) telah mula berkembang pada tahun 1980 (Kemala, 1994). Bagi Nurazmi (1991) pula, istilah “Sastra Islam” telah mula bertapak sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Penyair-penyair 60-an seperti Marhan, Nahmar Jamil, Hadzrami A.R., Firdaus Abdullah, A. Wahab Ali tampil memberikan impak pada perkembangan puisi-puisi Islam di Malaysia. Pada tahun 1977, Shahnnon Ahmad telah menghasilkan pandangan baru, beliau menolak konsep sastra lain selain SI bagi mendukung cita-cita ‘Sastra kerana Allah berhikmah untuk manusia’ (Kemala, 1994). Walau bagaimanapun, pandangan beliau telah menimbulkan reaksi pelbagai pihak.

Di samping itu, Muhammad Kamal Hassan juga merumuskan bahawa seni sastra menurut pandangan Islam ialah sejenis *literature engaged* yang mendukung nilai-nilai Islam dan mempunyai objektif yang jelas mengenai realiti kehidupan. Sastra hendaklah berusaha mengubah masyarakat ke arah penghayatan nilai-nilai Islam dan penghayatan hidup (Kamal Hassan, 1980).

Manakala menurut Uthman el-Muhammady, SI ialah “sastra yang memancarkan faham alam, faham ilmu dan faham nilai Islam yang dimanifestasikan dalam jalinan naratif, pembentukan peristiwa, perwatakan serta keindahan bahasa, prosa dan puisi...” (Uthman el-Muhammady, 2000). Menurut Mana Sikana pula, SI adalah sebagai sebuah sastra masyarakat yang ingin membawa masyarakatnya ke arah keislaman (Mana Sikana, 1983).

Syed Muhammad Naquib al-Attas turut membahaskan bahawa SI adalah sebahagian daripada kebudayaan yang telah dihasilkan daripada pemikiran (*‘aql*) seorang sasterawan yang bersumberkan wahyu, kemudian wahyu ini mestilah bersertakan hidayah tuhan dan kefahaman terhadap agama (al-Attas, 2001). Baginya, pengaruh Islam terhadap kebudayaan melayu tidak dapat dipisahkan, seperti manusia dengan udara. Menurut beliau, Islamlah yang telah mengangkat martabat bahasa dan bangsa melayu di Nusantara dan telah memberikan nilai kecendekiawan (*‘akliyah*) atau intelektualisme yang besar sehingga dapat melahirkan penulis dan pemikir seperti Hamzah Fansuri, Nuruddin al-Raniri, Shamsuddin al-Sumaterani, Sheikh Daud al-Fattani, Tuk Kenali dan sebagainya (Kemala, 1994).

Adapun Kemala dalam penulisannya banyak memperkatakan tentang kepentingan SI dan sejarah kebangkitan SI di nusantara. Menurut beliau, antara tokoh-tokoh yang banyak memperjuangkan SI ialah Syed Naquib Al-Attas, Uthman el-Muhammady, Shahnnon Ahmad, Kassim Ahmad, Syed Husin Ali, Muhammad Kamal Hassan, Shafie Abu Bakar, Syed Hussein Al-Attas, Ismail Ibrahim, Ismail Hamid, Ali Ahmad dan Mana Sikana (Kemala, 1994).

Manakala bagi kesusasteraan Arab pula, SI bukanlah sesuatu perkara yang baru. Ianya telah lama diperkatakan sejak Islam mula menyinari bumi Arab lagi. Namun, idea-idea kesusasteraan Arab moden telah dicetuskan oleh pelopor-pelopor Islam seperti Abu al-Hasan Ali al-Nadwi, ‘Abd al-Rahman Ra’fat al-Basha, Najib al-Kailani, Imad al-Din al-Khalil, Syed Qutb, adik beliau Muhammad Qutb, Muhammad Hasan Burayghish dan lain-lain nama besar lagi (Adi et al., 2015; Badri & Nursafira, 2013).

Jika disoroti takrifan SI, terdapat sebilangan tokoh yang menjelaskan konsep ini, antaranya Syed Qutb yang menyatakan bahawa sastra merupakan “satu ungkapan yang mempunyai kaitan rapat dengan pengalaman emosi mengenai gambaran kehidupan”. Beliau

turut menghuraikan definisi ini dengan menyatakan bahawa “ungkapan” disifatkan sebagai tabiat kehidupan, manakala “pengalaman emosi” pula digambarkan sebagai tajuk atau tema. Adapun, “gambaran kehidupan” pula melambangkan syarat dan tujuan (al-Ghuri, 2009). Bagi Muhammad Qutb pula, SI bermaksud “satu ungkapan yang indah mengenai cakerawala, kehidupan dan manusia bersandarkan *tasawwur* Islam” (Qutb, 1983).

‘Abd al-Rahman Ra’fat al-Basha juga menjelaskan bahawa SI bermaksud “ungkapan seni yang indah lagi berobjektif mengenai realiti kehidupan, cakerawala dan manusia, dan ungkapan ini tidak ketandusan dengan nilai-nilai Islam” (al-Basha, 1998).

Persoalan tentang gagasan SI di dunia Arab ini secara tidak langsung telah tempas ke dunia Islam itu sendiri, termasuk di Malaysia dan di India. Antara tokoh yang membincangkan persoalan SI di Malaysia ialah Ahmad Kamal Abdullah atau lebih dikenali sebagai Kemala (akan dikenali sebagai Kemala selepas ini), manakala di India ialah Abu al-Hasan Ali al-Nadwi (akan dikenali sebagai al-Nadwi selepas ini). Kesungguhan kedua-dua tokoh ini dalam memperjuangkan SI dapat dilihat dalam penulisan-penulisan mereka, antaranya *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*, *Kesusasteraan Bandingan dalam Perbincangan*, *Symbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia*, *Nazarat fi al-Adab*, *fi Masirah al-Hayyah*, *Rawai’ Iqbal* dan *Mukhtarat min al-Adab al-Arabi*. Atas kewajaran inilah, artikel ini cuba untuk merungkai pandangan dan konsep SI menurut kedua-dua tokoh yang tidak asing lagi dalam dunia sastera masing-masing.

Objektif artikel ini adalah untuk melihat perbandingan idea SI antara kedua-dua tokoh. Reka bentuk kajian ini ialah kajian perbandingan dengan menggunakan pendekatan kajian kualitatif sebagai metode pengumpulan dan analisis data. Perbandingan difokuskan terhadap pemikiran Kemala dan al-Nadwi tentang konsep SI.

### **Konsep Sastera Islam Menurut Kemala**

Kemala merumuskan bahawa karya SI bukanlah karya yang mati dan pasif, sebaliknya merupakan karya yang berbentuk kritikal, berjiwa, berijtihad dan rohaniah, seiring dengan tujuan pendakwaan. Kesusasteraan Islam juga sesuai dengan cita-citanya yang universal sekaligus memperlihatkan kedinamikannya. Ianya juga bersifat penerokaan yang *inventive*, *innovative* dan saintifik (Kemala: 1994). Tambahan pula, menurut Kemala SI saling berkait rapat dengan nilai Islam dan kehidupan insani yang berkonsepkan *ta’aqqli*, *ta’abbudi* dan *amali*.

Islam sebagai *al-Din* jelas memberikan imbalan yang wajar antara duniawi dan ukhrawi. Agama ini membawa penganutnya agar sentiasa berwaspada terhadap peranan masing-masing dalam semua bidang ilmu termasuk ilmu persuratan, peradaban dan kesusasteraan. Peri pentingnya ilmu persuratan (membaca, menulis dan berkarya) ini telah difirmankan Allah dalam Surah al-‘Alaq, 1: “bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan”. Adapun, tiap-tiap tingkat penglibatan ini menuntut pencapaian yang tinggi dan keredhaan Ilahi.

Sesungguhnya, Islam sangat mementingkan ilmu dalam penulisan mahupun berkarya. Penulisan yang baik lahir daripada pembacaan yang berkesan. Manakala, hasil pembacaan yang berkesan dapat dizahirkan melalui penulisan dan menjadi cerminan diri. Maka, jelaslah bahawa Islam menuntut penganutnya untuk menambahkan ilmu pengetahuan melalui pembacaan yang mendalam. Selain itu, Islam juga menggalakkan penganutnya untuk menulis, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah al-Qalam, 1&2: “Nuun. Demi pena

dan apa yang mereka tulis”. Ayat ini menunjukkan dengan jelas bahawa kepentingan penulisan dalam perkembangan ilmu; kerana ilmu dan penulisan sama sekali tidak dapat dipisahkan.

Dalam konteks ini, Kemala turut bersetuju bahawa penyair Islam tidak harus memisahkan diri dengan ilmu dan pengetahuan. Mereka juga perlu memiliki daya pemikiran yang kritis dan inovatif, seiring dengan konsep *ta’aqqli*; yang merupakan elemen penting dalam melahirkan sasterawan Islam yang mendukung nilai-nilai intelektualisme (*’akliah*). Kemala turut menasihati mereka agar menghayati makna intelektualisme secara ilmiah dan sewajarnya menurut landasan Islam (Kemala, 1994).

Menurut Kemala, SI mestilah lahir dari sasterawan yang mempunyai asas akidah Islamiah yang kukuh, yang berpegang teguh pada al-Quran dan al-Sunnah (Kemala, 1989). Penyair Islam yang sejati sewajarnya menghayati al-Quran dan menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama; kerana di dalam kitab suci ini sarat dengan contoh dan panduan tentang kehidupan seperti visi, harapan, nilai ilmu, kemuliaan hati, keadilan, penderitaan, khianat, dendam, fitnah, keangkuhan, pembalasan dan pelbagai manfaat yang besar dalam al-Quran. Dengan ketakwaan yang tinggi, penyair Islam dapat menyuburkan rasa kecintaan kepada Allah S.W.T. dan menerima hakikat bahawa kebenaran yang mutlak adalah hak milik Allah semata-mata.

Pada hemat Kemala, kedatangan Islam ke Nusantara telah memperbetulkan akidah melayu dan mendorong mereka untuk mengesakan Allah S.W.T., tuhan semesta alam, selain memperkenalkan masyarakat melayu dengan ilmu tasawuf yang mengandungi ilmu falsafah Islam yang tulen. Rasionalisme dan semangat keagamaan yang luhur inilah yang telah memalingkan masyarakat melayu di Nusantara dari seni dan mitos yang khayal kepada alam akal dan budi yang menuntut tatacara hidup yang tertib dan teratur (Kemala, 1989).

Ilmu tasawuf atau ilmu falsafah Islam ini sangat penting bagi mencapai tahap kecintaan kepada Allah dalam apa jua perkara yang dilakukan. Mereka yang mendalami ilmu ini dikenali sebagai golongan sufisme. Penyair-penyair sufi yang tulen menjalani kehidupan seharian mereka dalam kesederhanaan, beriman dan bertakwa kepada Allah S.W.T. Penyair Islam yang baik, kebiasaannya merupakan penyair yang menjalani kehidupan sufi, malah mereka menyerahkan seluruh jiwa raga kepada Allah dan mempertaruhkan kecintaan mereka yang tidak berbelah bahagi kepada *al-Khaliq* (Kemala, 1989). Antara penyair-penyair sufi yang terkenal ialah Jalaluddin al-Rumi, Fariduddin al-Attar dan Umar ibn al-Farid.

Di samping itu, sastera menurut Kemala merupakan suatu ibadah yang merupakan wadah keyakinan bagi diri. Menurut beliau juga, masalah akidah dan ibadah merupakan isu utama bagi seseorang penulis Islam. Berbekalkan akidah yang jitu, seseorang penulis diyakini mempunyai matlamat yang jelas dalam penulisannya, tambahan pula dia berhati-hati dalam memperarahkan pengabdian (*ta’bbudi*) dan cintanya terhadap dunia penulisan. Dengan menjadikan penulisan tersebut sebagai suatu ibadah, maka amat mudah bagi seseorang penulis untuk menerima keredhaan Allah (Kemala, 1994).

Seterusnya, menurut Kemala, puisi yang lahir daripada penyair Islam dapat menyalurkan perasaan jihad dan secara tidak langsung dapat menyalurkan nilai-nilai Islam serta mengembangkan *syiar* Islam (Kemala, 1989). Hal ini bertepatan dengan konsep dakwah kerana Allah; iaitu menyeru umat manusia agar mengesakan Allah, tuhan semesta alam. Rasulullah S.A.W. sendiri pernah memberi galakan terhadap penyair-penyair Islam supaya

menghasilkan puisi bagi mematahkan hujah para penyair zaman Jahiliyyah yang sentiasa berusaha mencari jalan untuk memperolok-olokkan Islam. Walaupun begitu, kemampuan penyair jika dibandingkan dengan kekuasaan Allah hanyalah satu titik kecil sahaja daripada kebijaksanaan-Nya. Oleh yang demikian, sebagai penyair, mereka tidak terlepas daripada tugas sebagai khalifah di muka bumi ini.

Selain itu, menurut Kemala, para penyair yang membawa tema keislaman dalam puisinya perlulah melalui ketiga-tiga proses dibawah (Kemala, 1989):

- a) Jalan naluri; atau pembawaan sejak lahir yang juga disebut sebagai fitrah.
- b) Jalan wahyu; yang tersurat dalam kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah dan rasul sebagai perantaraannya.
- c) Jalan hikmah; iaitu kepandaian menggunakan akal fikiran dalam konsep tadabbur dan tafakkur terhadap bukti-bukti alam yang ada.

Menurut Hamzah Yaakub, melalui ketiga-tiga jalan inilah, manusia dapat mengenal Allah (*ma'rifat Allah*).

Manakala, konsep *amali* pula diterjemahkan dalam karya penulisan sebagaimana yang dilakukan oleh para penyair Melayu seperti Hamzah Fansuri dalam karyanya *Syair Dagang*, *Syair Burung Pingai*, dan *Syair Sidang Fakir* (Kemala, 2010). Ditambah pula dengan karya *Gema Suci* yang dibawa oleh Zulkifli Mohammad yang menjadi pelopor syair Islam pada tahun 1970-an. Mereka telah mempraktikkan nilai-nilai Islam dalam puisi mereka dan hal ini dapat dilihat melalui unsur simbolisme yang digunakan bagi mengawal keindahan seni dan bahasa, seterusnya mengangkat dan memartabatkan SI sebagai sastera yang ulung.

### **Istilah Sastera Islam Menurut Kemala**

Kemala menyatakan bahawa SI perlu lahir dari seseorang yang berjiwa Islam, mempunyai akidah Islamiah yang jitu, memahami serta beramal dengan ajarannya. Menurut Kemala, terdapat juga karya-karya dunia yang tidak bercanggah dengan Islam dan membawa moral yang baik. Tentu sahaja Islam menerimanya, tetapi karya-karya tersebut tetap tidak boleh dikategorikan sebagai SI (Kemala, 1994). Hal ini kerana mereka tidak mempunyai *zauq* (rasa) dalam penulisan. Mereka mungkin terkesan melalui pembacaan dan persekitaran, tetapi mereka tetap tidak merasainya melalui hati. Walaupun demikian, sastera seperti ini boleh dipanggil sebagai sastera *maqbul* (iaitu sastera yang boleh diterima).

Kemala juga turut bersetuju dengan pandangan Ibn Khaldun yang menyatakan bahawa para penyair yang bukan beragama Islam, yang tidak mempunyai hal-hal yang bersangkutan dengan Islam, tentulah tidak layak sama sekali menulis puisi berunsurkan Islam; kerana mereka bukan sahaja tidak menguasai isu-isu asas dalam Islam, bahkan mereka juga tidak akan mempunyai 'rasa' (*zauq*) dalam hati mereka. Sekiranya mereka menghasilkan puisi juga, tentulah perasaan terpaksa dan dibuat-buat akan terlihat amat ketara dalam penulisan mereka (Kemala, 1989).

Hal inilah yang ditekankan oleh Kemala dalam penulisan beliau kerana *zauq* (rasa) itu, tidak semua orang boleh merasainya; kerana "rasa" tersebut berbeza-beza bagi setiap orang, bergantung kepada tahap kefahaman dan penguasaan bahasa seseorang. Justeru, penguasaan bahasa yang baik dan cekap dapat melahirkan penyair yang baik.

### Konsep Sastera Islam Menurut al-Nadwi

Al-Nadwi menyatakan dalam ucapan beliau bahawa SI menurut istilah terminologi bahasa Arab bagi perkataan *adab* ialah: “istilah ini (SI) tidak dapat dipisahkan dengan akhlak, bahkan bahasa Arab merupakan satu-satunya bahasa yang dapat menjelaskan dan menggambarkan kalimah *adab* dengan sebaiknya” (Sallah, 2005), sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W.: (أدبني ربي فأحسن تأديبي) yang bermaksud (Tuhanku telah mendidikku, maka Dia telah menjadikan pendidikanku dengan pendidikan yang amat baik). Justeru, dapat disimpulkan bahawa *adab* merupakan kunci keimanan bagi seseorang Muslim; kerana dengan iman yang kukuh, seseorang dapat memelihara hubungannya dengan penciptanya (Allah) dan juga sesama makhluk.

Al-Nadwi juga menjelaskan bahawa: “Saya yakin bahawa tiada bahasa lain selain bahasa Arab yang dapat menjelaskan maksud kalimah *adab*; kerana kalimah ini mengandungi makna peradaban, budaya, penciptaan dan nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi” (al-Nadwi, 1987). Antara nilai-nilai kepujian yang diberikan oleh al-Nadwi terhadap bahasa Arab ialah bahasa yang suci, bahasa kerasulan Nabi Muhammad S.A.W., dan bahasa ini merupakan wasilah utama bagi seseorang Muslim dalam menguasai pelbagai ilmu khususnya ilmu agama, selain merupakan bahasa rasmi agama Islam, sekaligus dapat mengekalkan identiti Islam itu sendiri.

Dalam konsep kesusasteraan Islam, al-Nadwi menyatakan bahawa: “Saya membayangkan sastera sebagai makhluk hidup dengan hati yang menyayangi, hati nurani yang murni, minda yang kritis, akidah yang utuh, mempunyai tujuan tertentu, menyakitkan dan menggembirakan, akan tetapi jika sebaliknya, sastera bagaikan kayu keras yang mati, yang tidak memiliki ekspresi dan emosi” (al-Nadwi, 1988). Al-Nadwi turut menjelaskan bahawa SI sebagai “ungkapan yang fasih, jiwa yang bergerak, mengagumi, luas pemikiran, tradisi yang menarik dan mempunyai keyakinan diri” (al-Nadwi, 1988). Beliau juga berpendapat bahawa maksud sastera Islam ialah “kekayaan bahasa, fantasi, inovasi yang dicipta untuk menjaga kepentingan manusia melalui prinsip yang baik” (al-Nadwi, 1990).

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa konsep SI menurut al-Nadwi ialah satu ungkapan yang berobjektif dan bermatlamat, yang memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang tinggi dan berteraskan prinsip Islam serta didasari oleh akidah Islamiah yang jitu.

Al-Nadwi turut membahaskan tentang karya-karya sastera yang mana kepercayaan kepada Tuhan (Allah) adalah tunjang utama kepada kekuatan struktur dan keindahannya: “Sastera ialah ungkapan tentang kehidupan, perasaan dan kewujudan yang lahir daripada pemahaman yang berkesan” (al-Nadwi, 1988). Dalam erti kata lain, SI bermaksud “ungkapan yang bergerak indah, yang lahir dari hati yang suci dan fitrah manusia” (al-Nadwi, 1988). Definisi ini dibentangkan oleh beliau sewaktu beliau menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesusasteraan. Definisi ini tidak merujuk kepada makna luaran, tetapi makna dalaman. Oleh itu, dapat dilihat berdasarkan kenyataan di atas bahawa al-Nadwi lebih memberi penekanan terhadap isi kandungan yang dikemukakan dalam sesuatu sastera terlebih dahulu, sebelum melihat tujuannya ditulis.

Al-Nadwi turut menegaskan bahawa tujuan utama SI ialah memberi khidmat kepada manusia dan berdakwah ke arah kebaikan (al-Nadwi, 1990). Sastera merupakan *wasilah* dalam berdakwah dan seseorang penulis hendaklah menggunakan sastera dengan cara yang betul. Sebagaimana yang kita sedia maklum, orang yang mempunyai kemahiran menulis yang baik, tidak semestinya memiliki kefahaman agama yang baik, begitu juga dengan orang

yang mempunyai kefahaman agama yang baik, belum tentu memiliki kemahiran menulis yang baik. Oleh yang demikian, penghasilan SI oleh penulis-penulis yang memiliki kefahaman agama yang baik bertujuan untuk menggabungkan kedua-dua elemen tersebut.

Menurut al-Nadwi, langkah pertama untuk berdakwah kepada Allah ialah dengan menggunakan pendekatan yang betul iaitu dengan cara mengislahkan akidah. Adapun akidah yang sejahtera mestilah bertunjangkan al-Quran dan al-Sunnah, sebagai mana yang dikehendaki oleh Rasulullah S.A.W. dan Khulafa al-Rashidin; kerana mereka merupakan golongan yang mempunyai pengetahuan ilmu agama yang tinggi di kalangan masyarakat Islam (al-Nadwi, 1987).

Al-Nadwi turut menegaskan dalam ucapan beliau bahawa dakwah Islam bukanlah semata-mata menyentuh bab akidah sahaja, tetapi lebih cenderung kepada kepercayaan, akhlak, ibadah, dan tingkah laku manusia; kerana kesemua perkara ini bergantung kepada keimanan seseorang dalam menangani dan mengendalikannya (Sallah, 2005). Oleh yang demikian, perhatian perlu diberikan terhadap hubungan antara keimanan dan kesusasteraan dalam kehidupan; kerana sastera bertanggungjawab dalam mendidik minda masyarakat.

Seterusnya, tujuan SI dihasilkan ialah untuk meningkatkan nilai akhlak Islamiah, sekaligus menentang fikrah-fikrah jahat yang dihasilkan oleh sastera tertentu. Walaupun demikian, secara umumnya, nilai-nilai SI turut menerima kesan buruk akibat pencerobohan minda yang didalangi oleh golongan intelektual barat. Adapun sastera yang hebat mampu memberi kesan kepada jiwa manusia. Justeru, SI mestilah bertujuan ke arah kebaikan selain memainkan peranan penting dalam mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat.

Selain itu, antara tujuan SI ditulis ialah untuk membaik pulih sastera yang telah didasari dengan unsur-unsur yang kompleks dan bebas. Hal ini merupakan cabaran yang dihadapi oleh kesusasteraan Arab yang mana para pengkaryanya telah menyimpang jauh daripada sifat semula jadi sesuatu sastera tersebut (al-Nadwi, 1988). Antara matlamat al-Nadwi dalam memelopori SI ialah untuk memperlihatkan identiti Islam dalam bidang kesusasteraan khususnya dan mendukung nilai-nilai kemanusiaan umumnya. Hal ini merupakan perkara yang amat penting bagi menarik perhatian golongan penulis dalam mencontohi tokoh-tokoh Islam yang terkemuka dalam pelbagai bidang, yang mana perkara ini telah lama diabaikan oleh sebilangan golongan; kerana mereka tidak mendalami dengan sebenar-benarnya perkara yang terkandung di dalam al-Quran dan hadith Rasulullah S.A.W.

### **Istilah Sastera Islam Menurut al-Nadwi**

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa istilah sastera Islam menurut al-Nadwi terbahagi kepada tiga kategori: iaitu 'adab islami', 'adab bukan Muslim' dan 'adab Muslim yang tidak beriltizam dengan Islam'.

Bagi istilah yang pertama, 'adab islami' ialah sastera yang lahir daripada individu Muslim yang berpegang teguh dengan syariat Allah dan kehidupan Islam (al-Nadwi, 1985), mempunyai akidah yang kukuh, serta berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupannya. Seseorang penulis muslim perlu memiliki ciri-ciri Islam dalam dirinya dan perlu merasai "ruh" dan "hidayah Islam", serta meneladani kehidupan Rasulullah (al-Nadwi, 1985); kerana syarat untuk mencapai peringkat 'adab islami' ialah agama Islam yang dianutnya itu sendiri (al-Nadwi, 1990).

Manakala bagi istilah ‘adab bukan Muslim’ pula ialah adab yang menyerupai Islam, didorong dengan fitrah insan yang terkesan dengan agama, akal mahupun ilmu (Zayyed, 1994). Al-Nadwi juga menyatakan bahawa: “Puisi yang tidak mengandungi nilai-nilai Islam, akan tetapi membawa kandungan yang menyerupai konteks Islamiah dan sifat-sifat Islam, merupakan adab *shibhu islami* (شبه إسلامي) atau adab yang menyerupai ciri-ciri Islam (al-Nadwi, 1985). Al-Nadwi menerima baik sastera yang mempunyai ciri-ciri kemanusiaan dan mempunyai nilai moral yang baik, iaitu yang tidak bercanggah dengan Islam. Namun, sastera seperti ini tidak dikenali sebagai sastera Islam, tetapi ianya disebut sebagai *al-Adab al-Jayyid* dan *al-Adab al-Soleh* (al-Nadwi, 1990).

Istilah yang terakhir ialah ‘adab Muslim yang tidak beriltizam dengan Islam’, iaitu sastera yang dihasilkan oleh penulis Muslim yang tidak mengamalkan gaya hidup Islam dalam kehidupannya. Menurut pandangan al-Nadwi, beliau lebih memberi perhatian terhadap perkara yang diungkapkan dan tidak melihat kepada individu yang mengungkapkan perkara tersebut (al-Nadwi, 1990); kerana beliau berpegang teguh kepada prinsip “lihatlah kepada isi yang diungkapkan dan jangan melihat kepada orang yang mengungkapkan isi tersebut”.

Pendapat al-Nadwi ini disokong oleh Saad Abu al-Ridha dalam penulisan beliau (al-Ridha, 1983). Walaupun demikian, terdapat juga beberapa orang tokoh Islam yang menolak pandangan tersebut, antaranya Walid Qassab yang menyatakan bahawa SI tidak boleh dipanggil SI kecuali dihasilkan oleh orang yang beragama Islam, yang mempunyai fikrah dan tingkah laku sejajar dengan ajaran Islam (Qassab, 1998).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa SI menurut al-Nadwi ialah sastera yang ditulis oleh individu Muslim yang mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar dalam kehidupannya. Hal yang sama turut diperkatakan oleh Muhammad Hasan Burayghish dalam penulisannya yang menyatakan bahawa SI perlu dihasilkan oleh penulis Muslim yang memiliki iman yang teguh dan mempraktikkan syariat Islam dengan sebenar-benarnya (Burayghish, 1985; Burayghish, 1992). Sungguhpun demikian, orang yang mengaku dirinya Muslim, akan tetapi tidak mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupannya, adalah tidak layak untuk bercakap mengenai SI; kerana dia sendiri ingkar terhadap perintah Allah dan meninggalkan suruhan-Nya. Sekiranya golongan ini menulis dan bercakap tentang Islam dalam penulisan mereka tetapi tidak mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan, bukankah mereka ini tergolong dalam golongan orang yang berdusta? Walau bagaimanapun, secara realitinya amat sukar ditentukan nilai-nilai Islam yang sebenar dalam kehidupan seseorang penulis; kerana diri sendirinya sahaja yang mengetahui tahap kefahaman agama yang dimilikinya, dan ciri-ciri Islam yang dipraktikkan dalam kehidupan sehariannya. Adapun istilah sastera bukan Muslim yang mempunyai nilai-nilai moral yang baik masih boleh diterima; kerana mereka mungkin terkesan dengan faktor agama, ilmu dan akal, sehingga dapat menghasilkan sastera yang baik, yang menyerupai elemen-elemen yang dianjurkan oleh ajaran Islam.

### **Pandangan Kemala dan al-Nadwi tentang Konsep Sastera Islam: Satu Perbandingan**

Bahagian ini bertujuan untuk mencari titik persamaan dan perbezaan di antara pandangan Kemala dan al-Nadwi dalam menterjemahkan konsep SI yang sebenar. Kedua-dua tokoh ini telah membincangkan konsep SI menurut pandangan masing-masing, sekaligus memperlihatkan usaha dan sumbangan yang besar dalam dunia kesusasteraan Melayu dan Arab. Walaupun kedua-dua tokoh hidup dalam dua benua yang berbeza, mereka mempunyai matlamat yang sama iaitu memperjuangkan SI dan memeliharanya daripada dipengaruhi oleh



unsur ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam. Berikut merupakan titik persamaan dan perbezaan antara Kemala dan al-Nadwi terhadap konsep SI:

Titik persamaan di antara pandangan kedua-dua tokoh ialah:

- 1) SI mestilah ditulis oleh golongan yang mempunyai akidah islamiah yang jitu, yang mengamalkan nilai-nilai Islam yang sebenar dalam kehidupan. Keimanan dan kepercayaan kepada Allah merupakan dasar penting bagi seseorang penulis Muslim dalam menghasilkan karya yang dapat menyentuh hati manusia.
- 2) SI juga perlu ditunjangi oleh dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Penyair atau pemuisi yang beragama Islam perlu menghayati al-Quran dan menjadikannya sebagai rujukan utama; kerana di dalamnya sarat dengan contoh dan panduan tentang kehidupan. Selain itu, mereka juga perlu mencontohi akhlak dan teladan Rasulullah S.A.W.
- 3) SI merupakan medium dakwah yang berkesan dalam mendidik minda masyarakat dan akhlak mereka. Puisi yang baik, yang dihasilkan oleh penyair Muslim dapat menyalurkan nilai-nilai Islam serta dapat mengembangkan *syiar* Islam.
- 4) Penulis yang ingin berkarya perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang luas; hal ini sangat penting dalam memastikan karya yang dihasilkan memiliki nilai-nilai intelektualisme yang tinggi, sejajar dengan ajaran Islam.
- 5) Kemala dan al-Nadwi bersepakat menerima pandangan bahawa sastera yang dihasilkan oleh orang bukan Islam, tetapi membawa nilai moral yang baik dan tidak bercanggah dengan syariat Islam harus diterima. Namun, sastera ini tidak boleh dipanggil sastera Islam, tetapi dipanggil sebagai *al-Adab al-Jayyid* atau *al-Adab al-Soleh*.

Perbezaan di antara pandangan Kemala dan al-Nadwi tentang konsep SI:

- 1) Kemala berpendapat bahawa sastera Islam saling berkait rapat dengan nilai Islam dan kehidupan insani yang berkonsepkan *ta'aqquli*, *ta'abbudi* dan *amali*. Manakala, al-Nadwi pula berpendapat bahawa sastera merupakan ungkapan tentang kehidupan dan emosi yang lahir daripada pemahaman yang berkesan.
- 2) Menurut Kemala, penyair yang bukan beragama Islam tidak layak untuk menulis puisi berunsurkan Islam; kerana mereka bukan sahaja tidak menguasai isu-isu utama dalam Islam, bahkan mereka tidak mempunyai *zauq* (rasa) dalam penulisan yang dihasilkan. Namun demikian, al-Nadwi pula berpendapat bahawa titik penilaian dilakukan terhadap perkara yang diungkapkan dan bukan terhadap individu yang mengungkapkan.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan perbahasan di atas, dapat disimpulkan bahawa SI menurut Kemala dan al-Nadwi haruslah didasari dengan akidah Islamiah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah; yang berperanan sebagai nadi dalam kehidupan. Sastera juga harus disulami dengan ilmu tasawuf, iaitu ilmu falsafah Islam yang tulen dan juga perlu diteladani dengan akhlak Islamiah yang murni. Sastera berperanan sebagai wadah yang berkesan dalam menyampaikan ilmu dan dakwah kepada masyarakat. Keperluan masyarakat terhadap karya sastera yang mengandungi ilmu, menunjukkan bahawa ilmu boleh diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk bidang kesusasteraan. Adapun, karya sastera yang tidak mementingkan ilmu akan kelihatan kosong dan tidak memberi faedah kepada masyarakat. SI juga bertujuan mendekatkan diri pengkarya dan masyarakat dengan penciptanya. Oleh yang demikian, sekiranya kerja-kerja pengkaryaan dijalankan dengan penuh amanah, ikhlas dan menepati ketetapan syarak, maka kerja-kerja tersebut akan dikira sebagai amal kebajikan yang mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah

S.W.T. Sesungguhnya, setiap perkara yang ditulis dan dibaca oleh masyarakat mempunyai nilai tersendiri di sisi Allah S.W.T.

### **Bibliografi**

- Ahmad Kamal Abdullah. 1989. *Unsur-Unsur Islam dalam Puisi Melayu Modern*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. 1994. *Kesusasteraan Bandingan dalam Perbincangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. 2010. *Simbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Basha, Abd al-Rahman Ra'fat. 1998. *Nahw Madhhab Islami fi al-Naqd wa al-Adab*. al-Qahirah: Dar al-Adab al-Islami.
- Al-Ghuri, Abd al-Majid. 2009. *Al-'Alamah Abu al-Hasan al-Nadwi: Raaed al-Adab al-Islami*. Bayrut: Dar Ibn al-Kathir.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani. 1990. Al-Kalimat Allati Alqaitu fi al-Muktamar *Majallat al-Mishkat*. Bil 14.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani. 1990. Hiwar Ma'a Samahah al-Sheikh Abi al-Hasan al-Nadwi. *Majallat al-Mishkat*. Bil 14.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani. 1985. *Al-Adab al-Islami wa Silatuhu bi al-Hayyah: Ma'a Namazuj min Sadr al-Islam*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani. 1987. *Fi Masirah al-Hayyah*. Jilid 2&3. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Nadwi, Abu al-Hasan Ali al-Hasani. 1988. *Nazarat fi al-Adab*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Ridha, Saad Abu. 1983. *Al-Adab al-Islami: Qadiyyah wa Bina'*. Jeddah: Dar al-Makrifat.
- Badri Najib Zubir & Nursafira Ahmad Safian. 2013. Mafhum al-Adab al-Islami 'inda al-Adib Muhammad Hasan Burayghish: Dirasah Wasfiyyah Tahliliyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, Vol 4, No 1.
- Burayghish, Muhammad Hasan. 1992. *Al-Adab al-Islami: Usuluhu wa Simatuhu*. Oman: Dar al-Bashir.
- Burayghish, Muhammad Hasan. 1985. *Fi al-Adab al-Islami al-Mu'asir: Dirasah wa Tatbiq*. Zarqa', Jordan: Maktabah al-Manar.
- Mana Sikana. 1983. *Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Zulkarnain Mohamed, Pabiyah Toklubok @Hajimaming. 2015. Sorotan Literatur Perbandingan Gagasan Sastera Islami Sayyid 'Abd al-Raziq dan Mohd Affandi Hassan. *International Journal of Islamic Thought*, Vol 8.
- Muhammad Kamal Hassan. 1980. "Sastera Islam" dlm. *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Gagasan Persatuan Pendidikan Islam Malaysia (GAPIM).
- Muhammad Uthman el-Muhammady. Sept 2000. *Konsep Sastera Islam dalam Seminar Teori Sastera Islam: Kaedah dan Penerapannya*. Putrajaya.
- Nurazmi Kuntum. 1991. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qassab, Walid. 1998. *Fi al-Adab al-Islami*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Qutb, Muhammad. 1983. *Manhaj al-Fan al-Islami*. Bayrut: Dar al-Shuruq.
- Sallah, Abdullah. 2005. *Juhud Abi al-Hasan al-Nadwi al-Naqdiah fi al-Adab al-Islami*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Zayyed, ‘Abduh. 1994. Qadiyyah al-Musthalah fi al-Naqd al-Adabi al-Islami. *Majallat al-Adab al-Islami*. Bil 24.